

Pemimpin Pas talam dua muka — Adnan UM 25 JUN 2001

Oleh HELMI MOHD. FOAD

SHAH ALAM 24 Jun — Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob menyifatkan pemimpin Pas sebagai pemimpin talam dua muka.

Ini kerana katanya, mereka tidak memberi penerangan yang sama kepada orang Melayu tentang apa yang mereka perkatakan kepada masyarakat bukan Melayu.

“Pemimpin Pas adalah talam dua muka, depan orang Melayu cakap lain tetapi dengan orang bukan Melayu cakap lain semata-mata untuk memancing undi,” tegasnya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Kolokium Kebangsaan Cabaran K-Ekonomi Dalam Era Globalisasi Dari Perspektif Sumber Manusia di sini pagi ini.

Adnan mengulas ucapan penggulungan Presidep UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang semalam.

Dr. Mahathir berkata, Pas sanggup membuat apa saja untuk meraih undi bagi mendapatkan kuasa termasuk menjual hak keistimewaan orang Melayu, mengkafirkan UMNO dan menipu orang Cina.

Menurut Adnan lagi, Pas juga sanggup menjual Islam dan menjaja prinsip parti semata-mata untuk berdamping dengan DAP bagi meraih sokongan orang bukan Melayu.

Katanya, Pas hanya menggunakan agama untuk meraih undi tetapi apabila sudah berkuasa mereka tidak melaksanakan apa yang telah dijanjikan.

“Misalnya dulu, janji hendak laksana hukum hudud tetapi apabila sudah menang di Kelantan sampai sekarang hudud masih belum berjalan,” ujarnya.

Menurut Adnan, ahli-ahli UMNO perlu menguatkan parti bagi menghadapi musuh politik yakni Pas dan DAP secara terus terang.

“Kita akan lawan terus dan tidak ada kompromi,” tegasnya.

Ditanya tentang keyakinan Pas untuk menawan Pahang pada pilihan raya akan datang, Adnan menegaskan hal itu bergantung kepada kuasa Allah.

“Kita serahkan kepada Allah dan rakyat untuk menentukannya tapi kalau Pas yakin mereka dapat tawan Pahang ini bermakna mereka sudah melanggar kehendak Allah,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, sebagai persediaan, UMNO Pahang di semua peringkat akan terus memberikan penerangan kepada rakyat khususnya kepada pengundi di atas pagar.

“Kita akan tumpukan kepada ahli UMNO dan pengundi yang tidak cenderung kepada mana-mana parti. Kita tidak boleh harapkan orang Pas kerana hati dan mata mereka telah tertutup,” katanya.